

13 NOV 1999

Razaleigh-PAS

SEMAKIN RAMAI PENYOKONG PAS SERTAI UMNO, KATA KU LI

PASIR PUTEH, 13 Nov (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata semakin ramai penyokong PAS kini menyertai UMNO sehingga ke peringkat "luar biasa."

Beliau berkata, mereka yang menyertai UMNO itu mempunyai pengikut dan boleh mempengaruhi keadaan di kawasan masing-masing supaya memihak kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

"Kalau ramai tokoh di peringkat kampung-kampung menyertai kita (UMNO) saya rasa itulah yang akan menggugat kedudukan PAS di kawasan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perayaan Jubli Emas/Hari Ucapan/Penyampaian Hadiah Sekolah Kebangsaan Jelor hari ini.

Tengku Razaleigh berkata mereka bertindak meninggalkan PAS kerana merasakan ketinggalan dalam pelbagai bidang sepanjang tempoh 10 tahun di bawah pemerintahan kerajaan PAS.

Mereka juga subah lebih memahami perjuangan UMNO dan BN iaitu tidak bermusuhan dengan sesiapa, cuma untuk memperbaiki kehidupan rakyat, katanya.

Beliau berkata PAS sejak dari dahulu lagi tidak kuat, tetapi menang dalam pilihan raya lepas kerana perpecahan dalam UMNO. Bagaimanapun perpecahan itu kini sudah tiada lagi.

Tengku Razaleigh berkata sokongan rakyat Kelantan kepada perjuangan UMNO dan BN semakin bertambah, dan ini dapat dilihat antaranya pada majlis-majlis yang dihadiri pemimpin UMNO.

"Di mana-mana kita pergi ramai orang datang ke majlis kita, nampak yang tak aktif dulu, kini aktif bekerja untuk kita.

"Kini tidak mustahil rakyat seluruh kawasan bangkit tolak PAS," kata beliau.

Bagaimanapun beliau meminta anggota UMNO terus bekerja keras untuk menarik lebih ramai orang mengundi BN pada 29 Nov ini.

"Saya dah jumpa banyak kali dengan semua pemimpin UMNO segenap peringkat, mereka sanggup untuk mengukuhkan perpaduan bagi mencari kemenangan pada pilihan raya ini," katanya.

Tengku Razaleigh berkata semua bahagian UMNO akan memainkan peranan untuk membawa pulang pengundi yang berada di luar Kelantan dan telah mengenal pasti tempat kerja dan tempat tinggal mereka.

Beliau juga menyatakan bahawa anggota Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Kelantan akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur malam ini.

Mengenai kedudukan pakatan pembangkang yang belum mencapai kata sepakat dalam pengagihan kerusi, Tengku Razaleigh berkata mereka tidak akan mendapat kata sepakat kerana golongan yang berpakat itu tidak sehaluan.

-- BERNAMA

BD NMO